



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 JILID 3(57)
Tarikh : 12 September 2025
Bersamaan : 19 Rabiul Awal 1447H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Tuan,

ARAHAN KERJA BIL.57/2025/O: PINDAAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN SECARA *ELEKTRONIC FUND TRANSFER* (EFT) KE AKAUN TERIMAAN UTAMA PEJABAT PERAKAUNAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) BIL. 3 Tahun 2025 Lampiran B : Garis Panduan Pengurusan Terimaan adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa terdapat pindaan pada **Garis Panduan Pengurusan Terimaan Secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) Ke Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan** selaras dengan keperluan operasi Pejabat Perakaunan. Oleh itu, Pusat Tanggung Jawab (PTJ) hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Pejabat Perakaunan bagi sebarang terimaan melalui EFT daripada Agensi Kerajaan, Pertubuhan, Syarikat Swasta dan Individu bagi mengelakkan berlaku terimaan tidak dapat dikenalpasti.

3. Berikut merupakan antara tindakan yang perlu diberi perhatian oleh PTJ iaitu :

- i. PTJ hendaklah memastikan **kelulusan EFT tidak didedahkan di mana-mana platform media.**
- ii. PTJ hendaklah mematuhi **format ID Korporat Terimaan** sebagai rujukan di ruangan *Recipient Reference* bagi memastikan terimaan dikenal pasti oleh Pejabat Perakaunan.

4. Bersama-sama ini dikemukakan dokumen berikut untuk rujukan PTJ bagi membuat permohonan:

- i. Lampiran 1 - **Garis Panduan Pengurusan Terimaan Secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) Ke Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan;** dan
- ii. Lampiran 2 - **Borang Permohonan Kelulusan Terimaan Secara EFT Melalui Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan.**

5. Sehubungan itu dengan berkuatkuasanya Surat Edaran ini, Surat Edaran BPOPP Bilangan 12 Tahun 2022 – Garis Panduan Pengurusan Terimaan Secara *Elektronic Fund Transfer* (EFT) Ke Akaun Utama Kerajaan bertarikh 4 November 2022 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"

"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA(UK), C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Melaka.